

26/01/2002

Beberapa jalan utama ditutup sempena Thaipusam

RAWANG, Jumaat - Kira-kira sejuta penganut Hindu dan pengunjung dari dalam dan luar negara dijangka membanjiri Kuil Sri Subramaniaswamy di Batu Caves, Isnin depan, sempena perayaan Thaipusam.

Sehubungan itu, beberapa jalan utama di sekitar kuil Batu Caves akan ditutup bermula jam 8 malam esok dan dibuka semula pada kira-kira jam 12 tengah hari Selasa depan.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Massari Hashim, berkata perayaan Thaipusam akan bermula dengan perarakan kereta pedati dari Kuil Sri Maha Mariaman di Jalan Tun H S Lee, Kuala Lumpur, lusa, pada jam 4 pagi dan dijangka tiba di Batu Caves kira-kira jam 11 pagi.

Katanya, antara jalan yang digunakan untuk perarakan itu ialah Jalan Sultan, Jalan Hang Kasturi, Jalan Tun Ismail, Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh dan Jalan Batu Caves.

Antara jalan akan ditutup ialah di bulatan pintas Batu Caves yang menghala ke kuil, jalan susur keluar ke kuil Batu Caves dari bulatan pintas Batu Caves, Jalan Perusahaan menuju ke Jalan Batu Caves Lama, Jalan Batu Caves dari arah Gombak/Greenwood bermula di persimpangan lampu isyarat Taman Sri Batu Caves.

Susur masuk ke Jalan Batu Caves dari arah Rawang. Jalan Lingkaran Tengah II dari arah Kepong ke Batu Caves ditutup di susur keluar Rawang serta Jalan Batu Caves dari persimpangan lampu isyarat di Masjid Amaniah.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya menggunakan bas awam yang akan beroperasi 24 jam serta perkhidmatan kereta api Sentul ke Batu Caves.

Massari berkata, semua kenderaan diminta supaya mengelak daripada menggunakan jalan raya di sekitar Batu Caves dan meletak kenderaan di tempat yang disediakan, bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

"Kira-kira 700 pegawai daripada pelbagai jabatan polis akan mula bertugas esok hingga 30 Januari depan. Bagi sesiapa yang meletakkan kenderaan sehingga mengganggu lalu lintas, penguat kuasa Majlis Perbandaran Selayang akan menunda dan mengeluarkan saman," katanya.

Sementara itu, Pengerusi kuil, R Nadarajah merayu orang awam yang ingin mengunjungi kuil itu menjaga tatatertib dan mematuhi peraturan supaya imej negara tidak tercemar.

Beliau berkata, jawatankuasa kuil turut menyampaikan memorandum memohon Thaipusam diisytiharkan cuti untuk Wilayah Persekutuan melalui Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)